

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]

TARIKH : 16 MAC 2016 (RABU)

SOALAN :

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta PERDANA MENTERI menyatakan pendirian Kerajaan terhadap perkhidmatan “Uber” memandangkan perkhidmatan tersebut telah mengancam perkhidmatan teksi biasa.

JAWAPAN : YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan tempahan teksi melalui aplikasi adalah dibenarkan selagi penyedia perkhidmatan (pemandu) menggunakan kenderaan berlesen dan mematuhi undang-undang yang ditetapkan di negara ini. Mana-mana penggunaan kenderaan persendirian untuk perkhidmatan teksi adalah satu kesalahan berdasarkan peruntukan seksyen 16, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.
2. Sehingga kini, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) masih mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan seperti tindakan saman dan sitaan kenderaan kepada pihak-pihak yang melanggar syarat dan peraturan.
3. S.P.A.D. juga telah memberikan peringatan bertulis kepada Pengendali Berlesen yang terlibat untuk berhenti daripada menyediakan perkhidmatan yang melanggar syarat-syarat lesen yang ditetapkan.
4. Perkhidmatan Uber telah mewujudkan persaingan secara langsung kepada industri teksi semasa serta dilihat menjejaskan sumber pendapatan pemandu-pemandu teksi. Dalam mencari penyelesaian bagi menangani kemelut di antara Uber dan pemandu teksi, S.P.A.D telah mengadakan konsultasi secara teliti bersama pengusaha dan pemandu teksi untuk melaksanakan beberapa inisiatif

bagi menambahbaik industri teksi negara. Sesi perbincangan bersama Uber dan rakan kongsinya turut dilaksanakan bagi menegaskan bahawa adalah menjadi satu kesalahan sekiranya mereka menyediakan kenderaan yang tidak berlesen apabila menerima tempahan daripada pengguna.

5. Selain daripada itu, S.P.A.D. juga sedang meneliti untuk merangka polisi baru bagi mengawal selia dan memantau sistem tempahan teksi melalui aplikasi pintar atau mudah alih. Beberapa syarat dan standard akan diperkenalkan bagi memastikan semua penyedia aplikasi ini menyediakan perkhidmatan teksi yang berkualiti. Ini secara langsung akan meningkatkan mutu perkhidmatan teksi dan sekali gus akan memberi manfaat kepada semua pihak termasuklah pemandu dan juga pengguna.

Sekian, terima kasih.